



## Isteri PM terima cek utk badan2 kebajikan

● ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah selaku Yang Dipertua BAKTI menerima cek bernilai \$14,000 dari wakil Syarikat Rediffusion, Encik Michael Bleeck.

Cek itu akan disampaikan kepada lima badan kebajikan di Kuala Lumpur dan Selangor.

Badan-badan tersebut ialah Sekolah bagi Orang-orang Pekak Selangor, Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat, Persatuan bagi Orang-orang Pekak Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Pusat Kanak-kanak Cacat.

Penyampalan cek itu berlangsung di Seri Taman, Kuala Lumpur kelmarin.

No. Siri ..... 2283 .....  
No. Penerimaan ..... 27/85 .....